

[SPECTRUM APPROACH MODEL IN ISLAMIC PRESCHOOL TEACHING AND LEARNING SESSIONS: A CASE STUDY IN KUALA TERENGGANU]

PENDEKATAN MODEL SPECTRUM APPROACH DALAM SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PRASEKOLAH ISLAM : SATU KAJIAN KES DI KUALA TERENGGANU

SYARIFAH RAHIMAH BINTI TUAN A. RAHMAN <sup>1</sup>  
MOHAMAD MUHAYMEIN BIN AHMED ZAWAWI<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kolej Al-Quran Terengganu

<sup>2</sup>Universiti Sultan Zainal Abidin

Email: s.rahimah@kqt.edu.my

---

Received: 25<sup>th</sup> May 2023

Accepted: 30<sup>th</sup> May 2023

Published: 1<sup>st</sup> June 2023

---

**Abstract**

*Among the theories and approaches used worldwide in educating preschool children are The High Scope Curriculum for Early Childhood Care and Education, The Project Spectrum Approach to Early Education, The Reggio Emilio Approach, The Waldorf Approach to Early Childhood Education, Montessori Education, The Pyramid Method, and the Bank Street Developmental-Interaction Approach. This study was conducted to identify the approaches and strengths of the approaches used in teaching and learning sessions in an Islamic preschool in Kuala Terengganu. The study employed a qualitative approach through a case study design. Interview and direct observation methods were used, emphasizing social interaction between the researcher and the subjects as a requirement. The interviews were conducted with selected teachers using snowball sampling technique. The study participants consisted of ten six-year-old preschool students from a designated class determined by the administration. The findings of the study revealed that the Islamic preschool in Kuala Terengganu, which was studied, utilized the Spectrum Approach by incorporating multiple intelligences domains in teaching and learning activities. Additionally, the preschool also incorporated elements of the Reggio Emilia approach, particularly by connecting learning in various contexts. In conclusion, both the Spectrum Approach and the Reggio Emilio approach have their own strengths and weaknesses. However, when their strengths are combined and weaknesses addressed, both approaches or theories are highly effective in early childhood education. The commonality between these theories is their focus on encouraging children to learn.*

**Keywords:** *Islamic Preschool, Approach, Learning Theories, Spectrum Approach, Reggio Emilia*

## ABSTRAK

Antara teori dan pendekatan dalam mendidik anak-anak prasekolah yang digunakan di seluruh dunia ialah *The High Scope Curriculum for Early Childhood Care and Education*, *The Project Spectrum Approach to Early Education*, *The Reggio Emilio Approach*, *The Waldorf Approach to Early Childhood Education*, *Montessori Education*, *The Pyramid Method*, dan *Bank Street Developmental-Interaction Approach*. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pendekatan dan kekuatan pendekatan yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di sebuah tadika prasekolah Islam, Kuala Terengganu. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kes. Kaedah temu bual dan pemerhatian terus digunakan dalam proses kajian yang meletakkan interaksi sosial antara pengkaji dan subjek kajian sebagai syarat. Temu bual dilakukan bersama guru yang ditentukan melalui teknik bola salji. Responden kajian terdiri daripada sepuluh orang murid prasekolah berumur enam tahun dari satu kelas yang telah ditetapkan oleh pentadbir. Dapatan kajian mendapati bahawa tadika prasekolah Islam di Kuala Terengganu yang dikaji menggunakan pendekatan Spektrum Approach melalui domain-domain kecerdasan pelbagai dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, tadika ini juga menggunakan Reggio Emilia dengan kelebihan, iaitu menghubungkan dalam pelbagai konteks yang berbeza. Kesimpulannya, pendekatan *The Spectrum Approach* dan Reggio Emilio mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri. Namun begitu, jika digabung jalin kekuatan dan diatasi kelemahan yang ada, kedua-dua pendekatan atau teori ini sangat efektif untuk diaplikasikan dalam dunia pendidikan awal kanak-kanak. Persamaan yang dapat dilihat ialah kedua-dua teori ini berpaksikan kepada matlamat yang sama iaitu mengajak kanak-kanak supaya belajar.

**Kata kunci:** Prasekolah Islam, Pendekatan, Teori Pembelajaran, *Spectrum Approach*, Reggio Emilia

## PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) menyediakan peluang kepada murid berumur empat hingga enam tahun untuk mencapai objektif-objektifnya. Objektifnya dari segi jasmani ialah memastikan murid mempunyai tubuh badan yang sihat, mempunyai kecergasan dan kemahiran fizikal asas, mempraktikkan amalan kesihatan yang baik dan langkah-langkah menjaga keselamatan, menguasai kemahiran psikomotor asas seperti kemahiran motor halus dan motor kasar. Manakala dari segi emosi, murid mempunyai konsep diri yang positif, keyakinan diri, jati diri, berani mencuba, mempunyai kematangan emosi, menghormati perasaan dan hak orang lain, boleh bekerja secara bersendirian dan juga boleh bekerja secara berkumpulan. Dari sudut intelek pula, murid akan dapat berkomunikasi dengan baik seperti membaca, menulis dan bertutur menggunakan bahasa Malaysia, berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Inggeris, berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa Cina dan Tamil bagi yang berkenaan, memperoleh kemahiran proses sains dan matematik asas, memperoleh kemahiran berfikir asas, kemahiran menaakul dan kemahiran asas untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian murid, mempunyai daya kreatif dan estetika, menghargai keindahan alam dan warisan budaya. Dari segi rohani pula, murid akan dapat mengamalkan nilai murni dan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam. Akhirnya, dalam aspek sosial, murid berkebolehan berkomunikasi dengan mantap, membentuk perhubungan yang positif dengan orang dewasa dan rakan sebaya, menyuarakan pandangan dan perasaan dan bekerjasama dengan orang lain.

Antara teori dan pendekatan dalam mendidik anak-anak prasekolah yang digunakan di seluruh dunia ialah *The High Scope Curriculum for Early Childhood Care and Education*, *The Project Spectrum Approach to Early Education*, *The Reggio Emilio Approach*, *The Waldorf Approach to Early Childhood Education*, *Montessori Education*, *The Pyramid Method*, dan *Bank Street Developmental-Interaction Approach*. Kajian ini akan melihat pendekatan yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak prasekolah serta aktiviti-aktiviti seharian di sebuah tadika prasekolah Islam di Kuala Terengganu, Terengganu.

## PERNYATAAN MASALAH

Model penilaian Spektrum Projek telah dibangunkan di *Harvard* dan *Tufts Universities* pada tahun 1984. Projek ini berasal dari teori Howard Gardner tentang kecerdasan berganda dan teori perkembangan David Feldman dalam domain bukan universal (Krechevsky, 2001). Pendekatan ini didasarkan pada idea bahawa setiap kanak-kanak menunjukkan profil tersendiri kebolehan yang berlainan, atau spektrum kecerdasan. Profil kognitif dan gaya kanak-kanak kanak-kanak adalah asas penyelidikan dalam tempoh empat tahun pertama. Pada tahun kelima, mereka meneliti sama ada teknik penilaian ini sesuai untuk kanak-kanak yang lebih tua, seperti tadika dan gred pertama, yang berisiko untuk kegagalan sekolah. Tujuan penilaian Spektrum Projek adalah untuk mengetahui sama ada pendekatan ini boleh atau tidak digunakan dalam suasana sekolah awam untuk menggalakkan pencapaian akademik dan penyelarasan sekolah (Gardner, Feldman, & Krechevsky, 1998).

Penilaian pelajar yang terlibat dalam model Spektrum Projek adalah lebih semula jadi dan tidak dipisahkan daripada aktiviti melalui ujian piawai. Kecerdasan yang diuji melalui model Spektrum tersebut adalah terdiri daripada domain linguistik, tubuh-kinestetik, matematik, keperluan khas, muzik, interpersonal, dan intrapersonal (Krechevsky, 2001). Pencapaian diukur melalui portfolio dan pemerhatian. Matlamatnya pula adalah untuk mendapatkan pandangan yang tulen tentang perkembangan pelajar dalam semua kecerdasan yang berbeza. Penilaian juga dilakukan dalam aktiviti dunia nyata, seperti mengambil alih dan menyusun semula peranti mekanikal. Model Spektrum dilaksanakan melalui kurikulum khusus yang menawarkan pilihan kepada pelajar, kawasan permainan yang menarik serta mengesahkan kepentingan penerokaan mereka, galakan untuk mengalami dan merasai sendiri setiap kawasan, dan permintaan lisan yang terhad kepada anak-anak supaya semua orang dapat menyertainya. "Kerana pendekatan dalam Model Spektrum didasarkan kepada teori tentang bentuk kecerdasan yang berbeza dan cara yang berbeza iaitu kanak-kanak yang belajar boleh dimasukkan ke dalam pelbagai amalan pengajaran" (Gardner, Feldman, & Krechevsky, 1998). Model Spektrum juga didapati serupa dengan sekolah-sekolah Montessori iaitu kanak-kanak diberi peluang untuk meneroka subjek yang diminati (Jung, 2005).

Ibu bapa adalah komponen penting dalam falsafah Emilia Reggio. Ibu bapa dilihat sebagai rakan kongsi, kolaborator dan penyokong untuk anak-anak mereka. Guru-guru juga dianggap sebagai golongan ibu bapa yang dihormati dan sebagai guru pertama setiap anak yang melibatkan ibu bapa dan masyarakat dalam setiap aspek kurikulum (Arifin, 2009). Falsafah ini tidak berakhir apabila kanak-kanak meninggalkan kelas. Kebanyakan ibu bapa yang memilih untuk menghantar anak mereka ke program Reggio menggabungkan banyak prinsip dalam ilmu keibubapaan dan kehidupan di rumah. Pendekatan Emilio mewujudkan keadaan yang menggalakkan kanak-kanak untuk membina kekuatan mereka sendiri dengan menggabungkan semua kekuatan mereka dalam semua bahasa ekspresif, komunikatif dan kognitif. Guru menjalankan dokumentasi sebagai alat pemerhatian dan penyelidikan. Pendekatan ini menggunakan alam sekitar sebagai guru "ketiga" untuk meningkatkan kualiti pembelajaran.

(Edward dan Foreman, 1993). Pendidikan dalam model Reggio Emelio memberi tumpuan kepada kanak-kanak dan dijalankan bersama-sama keluarga, kanak-kanak lain, guru, persekitaran sekolah, masyarakat setempat, dan masyarakat lain yang lebih luas. Waktu pembelajaran, tetapi bergantung kepada corak dan gaya pembelajaran kanak-kanak. Guru sebagai pemerhati akan mendengar perkara yang dikatakan oleh anak-anak. Setiap ulasan dan perbincangan mengenai kanak-kanak didokumentasikan, seperti gambar aktiviti dan sebagainya. (Morrison, 2012).

Oleh itu, kajian ini diperlukan untuk mengenal pasti pendekatan dan kekuatan pendekatan yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di tadika prasekolah Islam, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif dalam kajian ini ialah :

- i. Mengetahui pendekatan yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di tadika prasekolah Islam, Kuala Terengganu.
- ii. Mengetahui kekuatan pendekatan yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di tadika prasekolah Islam, Kuala Terengganu.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan dalam kajian ini ialah :

- i. Adakah tadika prasekolah Islam di Kuala Terengganu menggunakan sebarang pendekatan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran?
- ii. Apakah kekuatan pendekatan yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di tadika prasekolah Islam di Kuala Terengganu?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kes. Kajian kes adalah satu kajian yang melibatkan sesuatu kes atau sesebuah tempat yang tertentu atau khusus. Justeru, kajian kes ini dijalankan di tempat yang khusus iaitu di tadika prasekolah Islam di Kuala Terengganu, Terengganu. Kajian kes juga bermaksud pencerapan terhadap sesuatu fenomena yang khusus bagi seseorang individu atau kumpulan individu tertentu. Kajian kes dibuat untuk meneroka, membuat penemuan serta interpretasi dan bukannya untuk menguji hipotesis (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2016). Kajian kes ini adalah bertujuan bagi mengenal pasti pendekatan yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di tadika prasekolah Islam, Kuala Terengganu.

Kajian kes menurut De Vaus (2005) adalah suatu pemerhatian mendalam yang berupaya menjurus kepada pembinaan konsep. Kajian kes ini menggunakan kaedah pemerhatian secara terus (*direct observation*) terhadap aktiviti murid dan temu bual bersama guru-guru tadika prasekolah Islam di Kuala Terengganu, Terengganu. Kaedah pemerhatian terus ini melibatkan pemerhatian secara langsung. Kebiasaannya, teknik ini tidak melibatkan komunikasi sesama manusia. Kajian kualitatif ini secara automatik melakukan pemerhatian untuk merujuk kepada proses kajian yang meletakkan interaksi sosial antara pengkaji dan subjek kajian sebagai syarat (Moleong, 1989).

Pengkaji juga menemubual guru-guru berkenaan dalam pengajaran dan pembelajaran tadika prasekolah Islam di Kuala Terengganu di kelas-kelas yang terlibat. Guru-guru yang ditemu bual dipilih melalui teknik bola salji (*snow ball*).

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Dapatan

#### **Pendekatan I : *The Project Spectrum Approach By Early Education***

Dalam penulisan ini, kajian mendapati tadika prasekolah Islamik di Kuala Terengganu yang dikaji telah menggunakan pendekatan Spektrum Approach melalui domain-domain kecerdasan pelbagai dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang tertentu.

Pendekatan Spektrum boleh digunakan dalam pelbagai cara iaitu sebagai teknik penilaian alternatif, sebagai satu set aktiviti kurikulum yang menarik, atau sebagai komponen yang kuat untuk program intervensi. Dalam erti kata yang lebih mendalam, spektrum menyediakan rangka kerja teori yang boleh membantu membawa perubahan penting dalam pemahaman pertumbuhan kanak-kanak, penghargaan terhadap kekuatan kanak-kanak, dan penciptaan suasana pendidikan yang optimum untuk pembelajaran kanak-kanak. Prinsip asas yang ditekankan ialah manusia mempunyai kecerdasan yang pelbagai dan semua orang dapat mengembangkan kesemua kecerdasan ini ke satu tahap yang kompeten. Sembilan domain kecerdasan terkini ialah *verbal/linguistic*, *logical-mathematical*, *musical/rhythmic*, *visual/spatial*, *bodily-kinesthetic*, *interpersonal*, *intrapersonal*, *naturalistic*, dan *ethical/spiritual*. Kecerdasan tidak boleh diwarisi semata-mata tetapi kecerdasan boleh dipengaruhi oleh budaya, persekitaran, peluang pendidikan, makanan, suasana pembelajaran dan lain-lain. Pembelajaran melalui Modul Spektrum Projek yang berdasarkan teori kecerdasan pelbagai adalah berpusatkan pelajar (*child centered*). Pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) adalah strategi pengajaran iaitu pelajar menjadi pemain utama dalam sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Penglibatan aktif daripada para pelajar dalam setiap sesi pembelajaran adalah digalakkan. Lebih banyak masa diperuntukkan kepada pelajar untuk meneroka dan menyelesaikan masalah pembelajaran dengan bantuan pengajar yang bertindak sebagai pemudahcara (Shahabudin, Rohizani & Mohd Zohir 2003). Ringkasnya, SCL merujuk kepada sebarang bentuk suasana pembelajaran yang efektif iaitu perancangan, pengajaran dan penilaian menfokus dan menumpukan kepada pelajar serta kepada hasil pembelajaran yang diperlukan oleh para pelajar. Antara kaedahnya adalah seperti kerja khusus, persembahan pelajar, kajian kes, pembelajaran koperatif dan sebagainya.

Kurikulum dan pendekatan yang digunakan dalam kecerdasan pelbagai juga adalah berbentuk tiada paksaan, iaitu boleh membantu membawa perubahan yang penting dalam pemahaman pertumbuhan kanak-kanak, penghargaan terhadap kekuatan kanak-kanak, dan penciptaan suasana pendidikan yang optimum untuk pembelajaran kanak-kanak. Pendekatan yang digunakan adalah sebagai teknik penilaian alternatif, menjadikan set aktiviti lebih menarik dalam kurikulum, atau sebagai satu komponen yang kuat untuk program intervensi. Penilaian turut dibuat melalui aktiviti menggunakan tangan (*hands-on*). Kurikulum ini secara tidak langsung turut menyokong pembelajaran bersepadu yang mneyeluruh selaras dengan keperluan murid dan Falsafah Pendidikan Negara, contohnya melalui indikator pembangunan insan iaitu satu proses membentuk dan mendidik manusia secara seimbang dan holistik. Ia merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, fizikal, intelektual dan sosial untuk kepentingan duniawi dan ukhrawi. Proses membangunkan manusia ini memerlukan satu usaha yang

konsisten dan berterusan agar tidak berlaku kepincangan dalam mana-mana peringkat pelaksanaannya. Usaha pembangunan insan ini merupakan satu kerja keras pendidikan yang paling utama. Ia bertujuan untuk melahirkan manusia yang berkeupayaan membangunkan seluruh potensi diri dan setiap bakat serta kebolehan yang tersembunyi di dalam diri seseorang. Keupayaan untuk melakukan penyelongkaran dan pembangunan serta pembinaan insan yang seumpama ini akan membantu melahirkan sekali gus menzahirkan diri insan itu seutuhnya atau insan yang paling sempurna. (Saharia Hj. Ismail, 2015).

Dalam penulisan ini, kajian mendapati tadika prasekolah Islamik di Kuala Terengganu yang dikaji telah menggunakan pendekatan Spektrum Approach melalui domain-domain kecerdasan pelbagai dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang tertentu. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dilaporkan menggunakan pendekatan ini :

### **Aktiviti 1 : Hafazan Al-Quran dan Bacaan Hadis**

Di tadika prasekolah Islamik di Kuala Terengganu yang dikaji, mata pelajaran hafazan al-Quran dan bacaan hadis diperuntukkan selama dua jam setiap hari iaitu satu jam bagi Hafazan al-Quran dan satu jam bagi bacaan Hadis. Bilangan pelajar dalam setiap kelas tidak melebihi dua puluh orang dan mereka akan menghafaz al-Quran secara individu dan beramai-ramai. Bacaan Hadis juga melalui keadah yang sama. Kemudian, pada setiap minggu, guru kelas akan memilih pelajar yang berjaya menghafaz al-Quran dan menghafal hadis paling banyak bagi mempersembahkannya di dalam kelas pada setiap hari Khamis.

Dalam method bacaan dan hafazan di atas, guru berperanan sebagai pembimbing bagi membetulkan kesalahan dan mengingatkan kepada pelajar tentang bacaan yang tidak diingati. Murid-murid prasekolah sedia memahami rutin harian mengikut jadual yang disediakan. Hasil pembelajaran murid-murid dalam hafazan al-Quran dan hadis turut menjadi sumbangan kepada masyarakat apabila memerlukan mereka membuat persembahan bacaan al-Quran atau bacaan hadis di majlis-majlis keramaian/rasmi dan juga mewakili tadika ke pertandingan-pertandingan tertentu.

Pendekatan Multiple Intelligent yang terdapat di dalam aktiviti-aktiviti di atas ialah *verbal linguistic*, *logic Mathematic* dan spiritual. Dari segi *verbal linguistic*, dapat dilihat apabila murid-murid membaca ayat-ayat al-Quran di dalam Bahasa Arab sedangkan bahasa natif mereka adalah Bahasa Melayu. Kecerdasan bahasa yang aktif dalam kalangan murid-murid tersebut juga menonjol apabila mereka mampu menghafal surah-surah di dalam al-Quran dan menghafal Hadis sama ada di dalam Bahasa Melayu ataupun Bahasa Arab. Dari segi *logic Mathematic*, para pelajar dapat mengingati jumlah ayat-ayat al-Quran dan jumlah Hadis yang dipelajari dan dihafal setiap hari.

### **Aktiviti 2 : Solat**

Aktiviti kedua yang menggunakan pendekatan Spectrum Approach di tadika prasekolah Islamik di Kuala Terengganu yang dikaji adalah aktiviti solat. Aktiviti solat diadakan secara amali pada setiap hari Khamis selama satu jam. Murid-murid berumur empat hingga enam tahun akan berkumpul di kelas masing-masing selepas mengambil wudhuk. Salah seorang daripada ahli kelas akan diberi tanggungjawab menjadi imam, iaitu mengetuai latihan solat yang diadakan. Murid tersebut akan mengimamkan kawan-kawannya yang berada di belakang. Peranan guru dalam aktiviti latihan solat ini adalah memberi tunjuk ajar dari segi gerak serta isyarat badan juga mengajar langkah-langkah mengerjakan solat. Kemudian, murid-murid akan

melakukan aktiviti solat tersebut berdasarkan penerangan, tunjuk ajar, dan teguran yang diberikan oleh guru masing-masing.

Murid-murid yang menjalankan aktiviti solat di sekolah ini dengan sendirinya akan memahami untuk menunaikan solat apabila berada di rumah. Aktiviti solat juga memerlukan pelajar yang melaungkan azan dan membaca iqamah. Apabila seseorang murid telah terbiasa melaungkan azan dan membaca iqamah di sekolah, maka ini adalah persediaan yang baik kerana mereka mampu melakukannya juga apabila berada di luar sekolah sama ada di masjid mahu pun ketika berada di rumah.

Ciri-ciri Kecerdasan Pelbagai yang terdapat dalam aktiviti ini ialah *verbal linguistic*, *logic Mathematic*, visual ruang, spiritual, dan interpersonal. Dari segi *verbal linguistic*, ia melibatkan bacaan di dalam solat. Murid-murid prasekolah boleh mengingat dan mengetahui bacaan-bacaan di dalam setiap langkah serta tertib di dalam solat dalam setiap rakaat. *Logic Mathematic* pula memerlukan murid-murid mengingat bilangan rakaat di dalam solat kerana bilangan rakaat di dalam waktu solat Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak adalah berbeza. Ciri-ciri pengurusan visual ruang juga dapat dilihat apabila murid-murid perlu menentukan dan mengetahui jarak dan kedudukan antara imam dan makmum, dan makmum sesama makmum. Kemahiran interpersonal pula adalah apabila seseorang murid menjadi imam, secara automatik memberikan sifat tanggungjawab ke dalam dirinya kerana perlu memimpin ibadat solat rakan-rakan yang berada di belakang.

## **Pendekatan II : Reggio Emelio**

Dalam penulisan ini, kajian mendapati tadika prasekolah Islamik di Kuala Terengganu yang dikaji menggunakan pendekatan Reggio Emilia dalam aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang tertentu. Pendekatan Reggio Emilia adalah berasaskan falsafah Loris Malaguzzi merupakan individu yang mengasaskan pendekatan Reggio Emilia. Beliau juga bertanggungjawab menubuhkan pengurusan komuniti sekolah dan pusat asuhan di Bandar Reggio Emilia dalam daerah Utara Itali di Emilia Romagna selepas perang dunia kedua. Gardner (1993) dalam Leonie Arthur et al. (2005) menyatakan, pendekatan Reggio Emilia mempunyai kelebihan yang tersendiri, kerana kebanyakan idea dasar dalam pendekatan Reggio dalam kurikulum boleh dihubungkan dalam pelbagai konteks yang berbeza.

Edwards, Gandini & forman (1993) dalam Leonie Arthur et al. (2005) pula menyatakan bahawa pendekatan Reggio dalam kurikulum ialah berdasarkan kecemerlangan intelektual kanak-kanak yang dididik melalui fokus sistematik yang diwakili oleh simbolik. Kanak-kanak digalakkan untuk mewakili idea-idea mereka dan memahami melalui (100 bahasa) mereka atau menunjukkan mod-mod, termasuklah bercakap, menulis, melukis, mewarna, membina dan mengukir seperti permainan bayang-bayang, menari, kolaj, permainan drama dan muzik. Kekuatan fokus dalam seni visual bermaksud meneroka dunia dan menunjukkan sifat memahami pendidik di sekolah-sekolah Reggio dan pusat asuhan, memberi perhatian bahawa banyak cara yang membolehkan kanak-kanak menonjolkan diri mereka dan mencadangkan banyak pendekatan tradisional untuk meremehkan kemampuan kanak-kanak. Prinsip dasar yang pertama dalam Regio Emelio ialah gambaran tentang kanak-kanak itu sendiri. Dalam pendekatan ini, Pendidik harus memiliki berpandangan bahawa, setiap anak memiliki kompetensi, kekuatan, dan pelbagai idea sehingga sepatutnya mampu melalui program pengembangan yang optimum. (Ika Budi Maryatun M.Pd & Nur Hayati M.Pd, 2010 ). Prinsip yang kedua ialah lingkungan sebagai guru ketiga. [SEP]Lingkungan merupakan guru ketiga yang memberikan kesempatan pada anak-anak untuk membangunkan pemahaman sosial dan

kehidupan, memberi pengalaman kepada kanak-kanak sebagai sebahagian daripada komuniti dalam masyarakat.

Seterusnya adalah prinsip Regio Emelio yang keempat, iaitu hubungan. Hubungan yang dimaksudkan ialah hubungan antara kanak-kanak, guru-guru, dan ibu bapa yang merupakan komponen penting dalam kurikulum ini. Semua komponen ini terlibat secara langsung dalam proses perancangan hingga ke evaluasi pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah. Kolaborasi atau kerjasama adalah prinsip yang kelima dalam kurikulum Reggio Emelio. Kerjasama dalam konteks ini melibatkan pelbagai komponen, antaranya ialah kerjasama sesama guru, kerjasama guru dan kanak-kanak, kerjasama kanak-kanak dengan kanak-kanak, kerjasama ibu bapa dengan kanak-kanak, dan skop yang lebih besar ialah kerjasama kanak-kanak dan komuniti. Dokumentasi juga adalah merupakan satu prinsip pendekatan Reggio Emelio. Dokumentasi merupakan proses merekod kegiatan kanak-kanak yang akan dapat digunakan sebagai portfolio dan laporan perkembangan kanak-kanak serta dapat dijadikan evaluasi aktiviti pembelajaran. Dokumentasi meliputi gambaran verbal dan visual daripada aktiviti kanak-kanak dalam proses pembelajaran, peluang yang terdapat dalam proses pembelajaran kanak-kanak, refleksi pembelajaran, dan tafsiran pembelajaran.

*Progettazione* pula adalah bahasa pelan pembelajaran dalam bahasa Itali. Pelan pembelajaran yang dibuat oleh Reggio Emilia sangat fleksibel untuk kanak-kanak yang mempunyai idea dalam pembelajaran. Pembelajaran yang dimaksudkan itu adalah dijalankan dalam bentuk projek, bukan berdasarkan had masa yang tertentu. Projek yang dilaksanakan adalah hasil kerjasama antara kanak-kanak, ibu bapa, dan komuniti yang lebih luas. Prinsip seterusnya yang ketujuh ialah provokasi yang merupakan kegiatan mendengar secara intensif tentang minat kanak-kanak yang disampaikan melalui perbualan. Provokasi juga adalah bertujuan untuk menggali idea kanak-kanak dengan lebih jauh melalui pertanyaan terbuka. Prinsip yang terakhir adalah prinsip seratus bahasa. Prinsip ini menggambarkan satu aktiviti yang memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyampaikan idea dari dalam fikiran mereka secara lisan dan simbolik dengan menggunakan pelbagai medium yang sedia ada.

Dalam pendekatan Reggio Emilia, faktor alam sekitar adalah guru yang ketiga seperti bilik atau tempat yang direka untuk menarik dan menimbulkan minat kanak-kanak. Tempat dan alam sekitar tersebut harus mengandungi unsur-unsur pendidikan, oleh itu setiap pusat dan sekolah perlu mempunyai kawasan yang membudayakan unsur tersebut. Wilayah Emilia juga mengutamakan penyediaan pelbagai jenis bahan media dengan bantuan yang melibatkan kanak-kanak dan ibu bapa. Oleh itu, guru mempunyai peranan yang sangat penting iaitu, membina pengetahuan dan pemahaman kanak-kanak, menjadi pendengar dan pemerhati yang baik, mendokumentasikan kerja kanak-kanak dan melakukan perbincangan bersama guru-guru dari semasa ke semasa, menjadi rakan kongsi untuk kanak-kanak dalam proses pembelajaran, dan guru sebagai penyelarar serta perunding pendidikan.

Berikut adalah aktiviti-aktiviti tadika prasekolah Islamik di Kuala Terengganu yang dikaji menggunakan pendekatan Reggio Emilia:

### **Aktiviti 1 : Lawatan Ke Monumen Bangunan-Bangunan Bersejarah Dunia**

Murid-murid tadika prasekolah Islamik di Kuala Terengganu yang dikaji turut didedahkan dengan aktiviti-aktiviti riadah luaran bersama masyarakat dan alam sekitar. Salah satunya adalah aktiviti Lawatan ke Monumen Bangunan-bangunan Bersejarah Dunia di Taman Tamadun Islam (TTI), Kuala Terengganu. Lawatan ini telah dikawal selia oleh sembilan orang guru.



Perjalanan ke TTI memerlukan murid-murid menaiki bas yang telah disediakan oleh pihak tadika. Pengalaman ini menjadikan kanak-kanak menimba sesuatu yang baru kerana guru-guru akan membimbing mereka untuk beratur dan tertib semasa menaiki bas. Murid-murid menyertai lawatan ini dengan kebenaran ibu bapa mereka yang telah dimaklumkan dua minggu lebih awal. Dengan menaiki bas, kanak-kanak mendapat pengalaman baru mengenai peraturan-peraturan keselamatan di dalam bas semasa kenderaan sedang berjalan.

Taman Tamadun Islam merupakan sebuah taman tema pendidikan dan libur diri yang menempatkan 22 koleksi monumen dari seluruh dunia yang merentasi benua Asia, Eropah dan Afrika. 22 monumen ini merupakan monumen pembinaan agung semasa empayar Islam tersebar dan mempengaruhinya dalam Tamadun Islam pada masa kini. (Nurul Fatihah Maruan, 2014). Semasa lawatan dijalankan, pihak TTI memberikan penerangan tentang monumen dan sejarah dalam bahasa yang mudah difahami oleh para murid. Daripada aktiviti ini, kanak-kanak serba sedikit terdedah kepada peringkat awal ilmu sejarah dunia. Kanak-kanak juga membayangkan imaginasi bangunan-bangunan sebenar itu di negara asal. Pendedahan ini juga serba sedikit mendedahkan mereka juga kepada bidang pelancongan kerana pengunjung yang mengunjungi monumen tersebut terdiri daripada rakyat tempatan dan para pelancong dari luar negara. Ilmu yang dikongsikan kepada murid-murid semasa lawatan ini adalah pelbagai dan menjana pemikiran mereka dari segi impian dan cita-cita yang difikirkan.

## **Aktiviti 2 : River Cruise**

Aktiviti kedua yang menggunakan pendekatan Reggio Emilio adalah sesi menaiki River Cruise di Taman Tamadun Islam (TTI), Kuala Terengganu. Aktiviti ini membawa murid-murid menjana pengetahuan tentang peraturan keselamatan menaiki kenderaan air, ilmu tentang alam sekitar berkaitan hidupan air, dan sebagainya. River Cruise adalah perkhidmatan yang disediakan kepada pengunjung untuk mengelilingi kawasan sekitar Masjid Kristal di Pulau Wan Man ini. Antara kawasan-kawasan yang dibawa ketika menaiki bot berkenaan ialah ; TTI Jeti To' Ku Paloh, Muzium Negeri, Pulau Sekati (Sekati Island), Bukit Datu, Kampung Seberang Tuan Chik Haji, Jambatan Sultan Mahmud, Pulau Haji Siah (Haji Siah Island), Kampung Bukit Tumbuh, Pulau Api (Api Island), Seberang Takir, Pulau Duyung (Mermaid Island), Bazar Warisan, Central Market (Pasar Payang), Warisan Island, Pelabuhan Ikan, Pengkalan Keropok, dan Crsytal Mosque. Empat puluh lima minit masa mengelilingi pulau membolehkan murid-murid bertanyakan pelbagai soalan berkenaan dengan lokasi-lokasi berkenaan dan juga aktiviti air di kawasan tersebut. Pemandu pelancong juga akan memberikan penerangan yang mudah difahami oleh murid-murid prasekolah.

## **PEBINCANGAN**

### **Kekuatan Pendekatan**

Pendekatan The Project Spectrum Approach by Early Education melalui *multiple intelligence* membolehkan guru memberi tunjuk ajar sepenuhnya tentang kekuatan dan kelemahan yang ada pada murid. Dengan itu murid dapat mengukuhkan lagi kekuatan mereka dan dapat memperbaiki kelemahan yang ada pada diri mereka. Ini jelas dilihat daripada sesi pembelajaran solat. Dalam sesi tersebut, guru akan mengajar murid-murid tentang aturan bacaan-bacaan yang sepatutnya dibaca di dalam solat sebelum menguji bacaan mereka itu selama satu jam pada setiap waktu pagi. Secara tidak langsung sesi ini juga dapat menguji elemen verbal-linguistik murid. Kemudian, guru akan menerangkan langkah demi langkah tentang tatacara pelaksanaan solat sebelum melakukan praktikal solat secara individu dan

beramai-ramai. Segala kesalahan yang dilakukan oleh murid semasa solat akan diperbaiki pada masa yang sama, oleh itu murid-murid akan segera menyedari kesilapan mereka dan dapat memperbaikinya dengan serta merta. Modal insan yang lengkap dengan segala kecerdasan yang ada dapat dilahirkan apabila aktiviti solat yang dilakukan secara praktikal itu memberikan semangat semasa mereka belajar melakukan ibadah wajib yang terdapat dalam agama Islam itu. Elemen *spiritual* itu akan lebih kuat apabila sesi praktikal solat itu dilakukan secara berjemaah. Kajian yang bertajuk *Toward A Theory of Spiritual Intelligence and Spiritual Leader Development* juga menyatakan bahawa kecerdasan rohani dapat diwujudkan dalam pelbagai sudut alam manusia ; sama ada kognitif, emosi, sosial, atau bentuk kecerdasan lain (Gardner, 1993). Kecerdasan rohani dan pembangunan kepemimpin rohani, ini sering melibatkan penanaman amalan rohani seperti doa, meditasi dan sebagainya. (Louis W. (Jody) Fry, 2010).

Pendekatan ini juga akan merangsang perkembangan pembelajaran murid, meningkatkan harga diri, kreativiti, inovasi dan motivasi melalui PdP yang menyeronokkan. Ini adalah kerana, setiap tajuk pengajaran akan disertakan dengan aktiviti fizikal yang praktikal sekali gus mengatasi masalah bosan dengan sistem pembelajaran sedia ada di sekolah. Minat untuk belajar memainkan peranan yang amat penting dalam pembelajaran. Ini kerana jika murid merasa pembelajaran yang mereka sedang lalui tidak membawa sebarang manfaat, maka mereka akan merasa bosan untuk mengikuti kelas tersebut. Dengan adanya kecerdasan yang sesuai dengan diri murid, maka perasaan bosan untuk belajar dapat diatasi. Murid tentunya tidak akan bosan lagi untuk belajar sebaliknya akan lebih berminat untuk datang ke sekolah kerana beranggapan bahawa pelajaran itu menyeronokkan, berfaedah untuk masa hadapan mereka dan bukannya sebagai satu bebanan.

Pengaplikasian teori kecerdasan pelbagai ini dapat membantu guru untuk merancang pengajarannya. Guru dapat merancang apa yang patut diberikan kepada pelajar tentang cara pengajaran, penekanan dan pemfokusan sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana guru dapat mengenal pasti potensi yang ada dalam diri murid dan membolehkan guru menjalankan pengajaran mengikut kecerdasan pelbagai ini. Dengan adanya kecerdasan pelbagai ini, maka guru dapat membangunkan bukan sahaja kesemua bidang akademik malah membangunkan ko-kurikulum pelajar kerana kecerdasan pelbagai bukan sahaja tertumpu kepada bidang akademik tetapi juga merangkumi bidang ko-kurikulum seperti kecerdasan kinestetik, kecerdasan muzik dan beberapa kecerdasan lain.

Keterangan di atas turut menyokong kajian Fakor Kecerdasan Pelbagai Dalam Pembentukan Profil Remaja (Siti Rahayah Ariffin, 2011) yang menunjukkan bahawa melalui kecerdasan verbal linguistik, seseorang itu mampu meluahkan idea kepada masyarakat. Beliau juga membuktikan dalam kajiannya bahawa pelajar sekolah yang mahir dalam menggunakan perkataan untuk menyatakan sesuatu dengan penuh perasaan adalah mereka yang dapat mengenal lagu dan membezakan rentak serta tempo dalam melodi. Selari dengan pendapat Howard Gardner (1983) yang menyatakan terdapat hubungan yang kuat antara muzik dan emosi.

Spielgaben (2013) berpendapat bahawa, menggunakan persekitaran sebagai guru dalam pendekatan ini adalah satu kelebihan kepada kanak-kanak dalam memberi interpretasi dengan lebih berkesan kepada kanak-kanak dalam meneroka dan memahami tentang sesuatu perkara kerana lebih rapat dengan persekitaran tersebut. Mereka juga dapat mengeksplotasi persekitaran sebagai satu kaedah belajar dan lebih memahami sesuatu dengan cara yang menarik. Tidak ketinggalan juga, kedua-dua teori ini mengaplikasikan pendekatan

menggunakan deria sensori motor serta psikomotor terutamanya motor halus melalui projek dan aplikasi set hadiah '*gift*' kepada kanak-kanak secara langsung mengembangkan deria kanak-kanak secara holistik.

Pendekatan Reggio Emilio juga dilihat mementingkan perasaan kanak-kanak dengan mengambil kira pendapat dan idea murid untuk dijadikan kurikulum. Namun, mungkin kurikulum Reggio Emilio kelihatan lebih kompleks dan tidak tersusun berbanding dengan kurikulum teori-teori lain yang ada (Spielgaben, 2013). Ini menunjukkan bahawa kurikulum yang dibentuk oleh guru memberi lebih manfaat kerana guru akan mempertimbangkan kemahiran yang akan diajar seterusnya mengikuti perkembangan murid. Berbanding dengan kurikulum yang dibentuk berasaskan idea dan pendapat murid, kebarangkalian terdapat kemahiran dan pengetahuan yang perlu dikuasai murid akan tertinggal lebih tinggi dan tidak mengikut perkembangan yang sejajar dengan pertumbuhan kanak-kanak pada masa itu.

Kanak-kanak mempunyai peluang untuk meneroka, memerhati, membuat hipotesis, mempersoal, dan berbincang untuk memperjelaskan pemahaman mereka. Dalam dapatan ini, perkembangan kanak-kanak dari segi kognitif akan lebih terangsang melalui pendekatan ini. Berdasarkan dapatan hasil penyelidikan dan perbincangan yang telah dijelaskan dalam kajian Pelaksanaan Model *Reggio Emilio* Pada Pembelajaran Anak Usia Dini di Taman Kanak-Kanak Assyofa Padang (Yuliyofriend, 2013) pula, menyimpulkan bahawa sesuatu perancangan yang dilakukan oleh guru tidak menunjukkan suatu kegiatan yang berintegrasi. Dalam melaksanakan model pembelajaran model Reggio Emilio di Tadika Assyofa dalam kajian tersebut, didapati bahawa penilaian pelajar yang tidak berdasarkan penilaian sahih Model Pembelajaran Reggio Emilio di Tadika Assyofa melibatkan dua elemen utama dalam pendidikan, iaitu guru dan ibu bapa. Walau bagaimanapun, penyertaan ibu bapa masih rendah dan penyertaan masyarakat sekitar tidak dapat dilihat.

## KESIMPULAN

The Spectrum Approach dan Reggio Emilio sebenarnya mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri. Namun begitu, jika digabung jalin kekuatan dan diatasi kelemahan yang ada, kedua-dua pendekatan atau teori ini sangat efektif untuk diaplikasikan dalam dunia pendidikan awal kanak-kanak. Persamaan yang dapat dilihat ialah kedua-dua teori ini berpaksikan kepada matlamat yang sama iaitu mengajak kanak-kanak supaya belajar. Justeru, kedua-dua teori ini perlu dintergariskan sekali bagi mendapatkan hasil yang hebat dan dapat diimplemitasikan oleh pendidik awal kanak-kanak dalam memperkembangkan kanak-kanak ini sebagai aset negara sekali gus memanfaatkan sehabis baik '*golden time*' kanak-kanak. (Zailani Zakari & Asiah Munajam, 2013). Berdasarkan kesimpulan ini, disarankan supaya guru-guru diberi latihan yang lebih terperinci tentang cara merancang melalui pendekatan model Reggio Emilio. Penyelidikan juga harus diteruskan dengan penyelidikan tindakan di dalam kelas untuk menghasilkan peningkatan yang lebih ketara dalam pembangunan pelajar. Selain itu, peranan kerjasama guru dan penglibatan masyarakat di sekeliling sekolah perlu dikaji.

**RUJUKAN**

- Arifin, Imron. 2009. *The Bridgining Programme* Berbasis Pendekatan Reggio Amelio. Aditya Media Publishing : Yogyakarta.
- De Vaus. (2005). *Sociological Methodology and Research Methods*. Sage Publications: London
- Gardner, H, Feldman, D. H., & Krechevsky, M. 1998. *Project Spectrum : Early Learning Activities*. New York, NY: Teachers College Press.
- Ghazali Darusalam & Sufean Husin. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Jung, T. 2005. *The Application Of Multiple Intelligences Theory in South Korea : The Project Spectrum Approach For Young Children*. *School Psychology International* (5) : 581
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, Pendidikan Prasekolah. Bahagian Pembangunan Kurikulum : Kementerian Pendidikan Malaysia*.
- Krechevsky, M. 2001. *Project Spectrum: An Innovative Assessment Alternative*. *Educational Leadership* (5) : 43-48.
- Leonie Arthur, Bronwy Beecher, Elizabeth Death, Sue Dockett, Sue Farmer. 2005. *Programming and plaining in early childhood settings*. Australia : Nelson Australia Pty. Limited.
- Louis W. (Jody) Fry. 2010. *Toward A Theory Of Spiritual Intelligence And Spiritual Leader Development*. Cindy Graves Wigglesworth President, Conscious Pursuits, Inc.
- Moleong, LJ. 1989. *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Morrison, Goerge S. 2012. *Dasar-dasar Pendidikan Anak Usia Dini*. Edisi kelima. PT Indeks : Jakarta.
- Nurul Fatihah Maruan. 2014. *Pemeliharaan dan keselamatan model monumen di Taman Tamadun Islam Pulau Wan Man Kuala Terengganu*. Faculty of Film, Theatre and Animation, Puncak Perdana, Selangor
- Saharia Hj. Ismail. 2015. *Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. *Journal of Human Capital Development* (8) : 83 – 99.
- Shahabudddin Hashim, Rohizani Yaakub dan Mohd Zohir Ahmad. 2003. *Pedagogi : Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Shah Alam : PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Siti Rahayah Ariffin Roseni Ariffin Arbaiyah Md Zin Nik Noralhuda Nik Mohamed. 2011. *Faktor Kecerdasan Pelbagai dalam Pembentukan Profil Remaja*. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* (8) : 103 -204.

Spielgaben. (2013). Comparison Among Froebel, Montessori, Reggio Emilia and Waldorf-Steiner Methods-Part 1 Comparison among Froebel, Montessori, Reggio Emilia and Waldorf-Steiner Methods-Part 1 : Spielgaben. 1-8.

Yulsoyfriend. 2013. Pelaksanaan Model *Reggio Emelio* Pada Pembelajaran Anak Usia Dini di Taman Kanak-Kanak Assyofa Padang. *Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan* (17) : 52 – 57.

Zailani Zakaria & Asiah Munajam. (2013). Pendekatan Reggio Emilia: Provokasi dan Kerjasama Dengan Pendidikan Kanak-kanak Di Amerika Syarikat. 1